SAIED SAFARIGHARIGH lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
ROHANA YUSUF HMR
AHMADI ASNAWI HMR
ABDUL RAHMAN SEBLI HMR
[PERMOHONAN JENAYAH NO: B-05-20-05-2015]
21 OKTOBER 2016

MAHKAMAH: *Mahkamah Rayuan – Rayuan terhadap pembebasan – Bidang kuasa Mahkamah Rayuan – Sama ada Mahkamah Rayuan boleh mengeluarkan waran mengarahkan tertuduh direman sementara menunggu pelupusan rayuan – Tertuduh warganegara asing – Sama ada tertuduh berpeluang menghilangkan diri jika dibebaskan dengan ikat jamin – Sama ada integriti rayuan pihak pendakwaan terjejas jika pemohon dilepaskan – Akta Mahkamah Kehakiman 1964, s. 56A*

Pemohon, seorang warganegara Iran, dipertuduh bersama-sama dua orang rakan senegaranya, Mohamad Redza Aslandad ('Mohamad Redza') dan Hossein Ghassemi atas pertuduhan mengedar dadah berbahaya di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Di akhir kes pembelaan, Hossein Ghassemi disabitkan atas pertuduhan tersebut, manakala pemohon dan Mohamad Redza dilepas dan dibebaskan. Pihak pendakwaan merayu terhadap keputusan tersebut ke Mahkamah Rayuan. Melalui notis usul dalam lampiran 3(a), pihak pendakwaan memfailkan permohonan di bawah s. 56A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK') agar satu waran dikeluarkan untuk mengarahkan pemohon dan Mohamad Redza ditangkap dan dibawa ke hadapan mahkamah untuk direman di penjara sementara menunggu pelupusan rayuan tersebut. Pihak pendakwaan menghujahkan pemohon dan Mohamad Redza sedang ditahan di Depoh Tahanan Imigresen KLIA sementara menunggu masa untuk tindakan pengusiran ke negara asal mereka. Jika mereka diusir, kebarangkalian pemohon hilang tanpa boleh dikesan adalah amat tinggi. Ini akan menyebabkan rayuan pendakwaan menjadi akademik dan akhirnya dibatalkan. Mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan dalam lampiran 3(a). Berikutan itu, pemohon dan Mohamad Redza memfailkan notis usul dalam lampiran 11(a) memohon supaya mereka dilepaskan dengan jaminan menurut s. 56A AMK sementara menunggu pelupusan rayuan pihak pendakwaan ke Mahkamah Rayuan. Isu yang berbangkit untuk pertimbangan adalah sama ada pemohon wajar direman di penjara atau dibebaskan dengan ikat jamin dengan mengambil kira keseluruhan hal ehwal keadaan yang menyelubungi kes tersebut.

Diputuskan (membenarkan permohonan dalam lampiran 3(a); menolak permohonan dalam lampiran 11(a))
Oleh Ahmadi Asnawi HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Seksyen 56A AMK perlu dibaca bersama dengan kaedah-kaedah kecil (1), (2), (3) dan (4) kepada k. 58 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994. Kaedah-kaedah ini menggariskan prosedur yang perlu diikuti

untuk mengguna pakai seksyen tersebut. Seksyen 56A AMK terpakai apabila pihak pendakwaan memfailkan rayuan terhadap perintah pembebasan dan pelepasan orang kena tuduh. Peruntukan ini memberi budi bicara yang luas kepada mahkamah untuk mengeluarkan waran mengarahkan penangkapan orang kena tuduh dan seterusnya mengeluarkan perintah konsekuential sama ada orang kena tuduh tersebut direman di penjara atau dibebaskan atas ikat jamin. (perenggan 15 & 16)

(2) Walau bagaimanapun, kategori tersebut seharusnya bersifat 'flexible' dan tidak 'exhaustive' dengan mengambil kira pertimbangan-pertimbangan khusus fakta-fakta yang wujud yang mengelilingi sesuatu kes tersebut. Penyenaraian alasan-alasan atau keadaan-keadaan di mana orang kena tuduh wajar direman atau dibebaskan dengan ikat jamin adalah tidak praktikal. Sesuatu kes sewajarnya diputuskan atas meritnya sendiri yang mungkin berbeza dengan merit dalam kes lain. (perenggan 20)

(3) Integriti rayuan pihak pendakwaan akan terpelihara hanya jika pemohon dapat dikemukakan di mahkamah dengan pasti pada tarikh pendengaran rayuan pihak pendakwaan. Pemohon adalah warganegara asing dan visa memasuki Malaysia telah pun tamat tempoh serta pemohon tidak mempunyai alamat tempat tinggal yang tetap dan 'proper' di Malaysia. Oleh itu, amat tidak sesuai untuk membebaskan pemohon dengan ikat jamin kerana ini akan mendedahkan pemohon kepada peluang untuk menghilangkan diri, lantas menjejaskan integriti rayuan pihak pendakwaan. Kehadiran pemohon hanya boleh dipastikan dengan membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk mereman pemohon di penjara sementara menunggu pendengaran rayuan tersebut. (perenggan 24 & 26)

(4) Dakwaan bahawa pemohon didiskriminasi serta tidak dilayan secara sama rata di bawah per. 8(1) Perlembagaan Persekutuan tidak berasas sama sekali. Fakta bahawa pemohon adalah warganegara asing bukan kriteria untuk mereman pemohon di penjara tetapi adalah alasan wajar untuk mahkamah mengeluarkan perintah tersebut. (perenggan 27)

English *Headnotes*

The applicant, an Iranian citizen, was charged together with his fellow Iranians, Mohamad Redza Aslandad ('Mohamad Redza') and Hossein Ghassemi for a charge of trafficking in dangerous drugs under s. 39B of the Dangerous Drugs Act 1952. At the end of the defence case, Hossein Ghassemi was convicted on the charge, whilst the applicant and Mohamad Redza were acquitted and discharged. The prosecution appealed to the Court of Appeal against the decision. *Vide* a notice of motion in encl. 3(a), the prosecution filed an application under s. 56A of the Courts of Judicature Act 1964 ('CJA') for the issuance of a warrant of arrest against the applicant and

Mohamad Redza and for them to be brought before the court to be remanded pending the disposal of the appeal. The prosecution contended that the applicant and Mohamad Redza were being detained at the KLIA Immigration Detention Depot pending the action for deportation to their country of origin. If they were deported, the likelihood that the applicant would disappear without being traced was very high. This would render the prosecution's appeal to become academic and eventually struck out. The court allowed the prosecution's application in encl. 3(a). Consequently, the applicant and Mohamad Redza filed a notice of motion in encl. 11(a) applying for their release on bail in accordance with s. 56A of the CJA pending the disposal of the prosecution's appeal to the Court of Appeal. The issue that arose for determination was whether the applicant ought to be remanded in jail or released on bail considering all the circumstances of the case.

Held (allowing application in encl. 3(a); dismissing application in encl. 11(a))
Per Ahmadi Asnawi JCA delivering the judgment of the court:

(1) Section 56A of the CJA must be read together with sub-rr. (1), (2), (3) and (4) to r. 58 of the Rules of the Court of Appeal 1994. The rules set out the procedures to be followed in order to apply the section. Section 56A of the CJA is applicable when the prosecution files an appeal against the order of acquittal and discharge of an accused person. This provision provides wide discretion to the court to issue a warrant of arrest of the accused person and thereafter to issue a consequential order as to whether the accused person is to be remanded in a prison or released on bail.

(2) However, the categories must be flexible in nature and not exhaustive taking into account the specific considerations of the facts surrounding a case. It would not be practical to list out the grounds or circumstances in which an accused person ought to be remanded or released on bail. A case must be decided on its own merit which might differ with the others.

(3) The integrity of the prosecution's appeal will only be preserved if the applicant could be produced in the court with certainty on the date of the hearing of the prosecution's appeal. The applicant was a foreign citizen and his entry visa to Malaysia had expired and the applicant did not have a permanent and proper place of residence in Malaysia. Therefore, it was not appropriate to release the applicant on bail as it would expose the applicant with the opportunity to disappear, hence causing prejudice to the integrity of the prosecution's appeal. The applicant's presence could only be secured by allowing the prosecution's application to remand the applicant in the prison pending the hearing of the appeal.

(4) The allegation that the applicant had been discriminated and being unfairly treated under art. 8(1) of the Federal Constitution was totally baseless. The fact that the applicant was a foreign citizen was not a criteria for his remand but was an appropriate ground to issue the order.

Kes-kes yang dirujuk:
Bird Dominic Jude v. PP [2014] 4 CLJ 133 FC ***(dibezakan)***
PP v. Norman Ismail [2008] 5 CLJ 261 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 56A
Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B(2)
Federal Constitution, art. 8(1)
Penal Code, s. 34
Rules of the Court of Appeal 1994, r. 58(1), (2), (3), (4)

Bagi pihak perayu - Gooi Soon Seng & Choong Kak Sen; T/n Gooi & Azura
Bagi pihak pendakwaan - Intan Nur Hilwani Mat Rifin; TPR

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Perbicaraan Jenayah No: 45A-186-2012 (ditolak sebahagian)]

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Ahmadi Asnawi HMR:

[1] Terdapat dua permohonan dalam kes ini. Kandungan 3(a) adalah permohonan Pendakwa Raya untuk perintah *ex parte* di bawah s. 56A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK 1964'). Manakala notis usul dalam kandungan 11(a) yang disusuli dengan afidavit sokongan dalam kandungan 11(b), adalah permohonan pemohon yang memohon supaya dilepaskan dengan jaminan menurut s. 56A 'AMK 1964', sementara menunggu pelupusan rayuan Pendakwa Raya ke Mahkamah Rayuan terhadap perintah Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 10 Februari 2015 yang membebaskan dan melepaskan pemohon di atas suatu pertuduhan di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952') yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama *vide* Perbicaraan Jenayah No: 45A-186-2012. Kami telah mendengar kedua-dua permohonan dalam kandungan 11(a) dan kandungan 3(a) bersama-sama dan telah membenarkan perintah dalam kandungan 3(a) dan menolak permohonan pemohon dalam kandungan 11(a).

[2] Dalam Perbicaraan Jenayah No: 45A-186-2012 tersebut, pemohon telah dituduh bersama dua orang rakan senegara dari Iran, Mohamad Redza Aslandad dan Hossein Ghassemi, mengedar dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 2,847.7g, dibaca bersama dengan s. 34, Kanun Keseksaan.

[3] Di akhir kes pembelaan, Hossein Ghassemi telah disabitkan di atas pertuduhan tersebut, manakala pemohon dan Mohamad Redza Aslandad telah dilepas dan dibebaskan.

[4] Pendakwa Raya telah merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan tersebut melalui notis rayuan bertarikh 18 Februari 2015.

[5] Melalui notis usul (kandungan 3(a) dalam Permohonan Jenayah No: B-05-20-02-2015) Pendakwa Raya telah memfailkan satu permohonan di bawah s. 56A AMK 1964, di mahkamah ini bagi mengeluarkan suatu waran mengarahkan pemohon dan Mohamad Redza Aslandad ditangkap dan dibawa ke hadapan mahkamah ini untuk direman di penjara sementara menunggu pelupusan rayuan Pendakwa Raya tersebut.

[6] Melalui afidavit sokongan (kandungan 3(b)), Pendakwa Raya mengasaskan permohonannya atas fakta bahawa pemohon dan Mohamad Redza Aslandad adalah warga negara asing (Iran) dan tanpa waran dan perintah reman, kedua-dua mereka akan diusir ke negara asal dengan secepat mungkin. Menurut Pendakwa Raya, pengusiran ini akan menyebabkan kebarangkalian yang amat tinggi bahawa mereka akan hilang tanpa kesan dan tidak akan menghadirkan diri pada tarikh pendengaran rayuan Pendakwa Raya. Pada akhirnya rayuan Pendakwa Raya akan menjadi akademik atau akan dibatalkan.

[7] Pada tarikh kandungan 3(a) difailkan, pemohon dan Mohamad Redza Aslandad tersebut telah pun ditahan di Depoh Tahanan Imigresen, KLIA, menunggu masa untuk tindakan pengusiran ke negara asal mereka.

[8] Berikutan dengan permohonan Pendakwa Raya tersebut, Mahkamah Rayuan telah mengeluarkan waran tangkap dan perintah reman secara *ex parte* ke atas pemohon dan Mohamad Redza Aslandad dan mereka telah dipindahkan dan diperintahkan supaya direman di Penjara Sungai Buloh pada 23 Mac 2015. Di atas perintah inilah pemohon telah memfailkan notis usul dalam kandungan 11(a) tersebut.

[9] Notis usul pemohon di atas dan pendengaran *inter partes* permohonan Pendakwa Raya (kandungan 3(a)) telah didengar bersekali. Kami telah membenarkan permohonan Pendakwa Raya seperti dipohon manakala permohonan pemohon telah ditolak.

Asas Keputusan

[10] Pemohon menghujahkan bahawa beliau memasuki Malaysia secara sah dan mempunyai pasport dan visa yang sah pada kesemua masa yang material. Visanya tamat pada 1 April 2011 ketika menunggu pelupusan perbicaraan di Mahkamah Tinggi Shah Alam.

[11] Selanjutnya pemohon menghujahkan bahawa pengeluaran waran tangkap dan reman ke atas pemohon di bawah s. 56A AMK 1964, diasaskan semata-mata atas alasan pemohon adalah warganegara asing. Tindakan ini tidak selaras dengan dan telah melanggar per. 8(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kesamarataan di sisi undang-undang. Kelazimannya warganegara Malaysia yang dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan yang serupa akan dibiarkan bebas tanpa sebarang waran tangkap dan perintah reman dikeluarkan walaupun rayuan terhadap perintah pelepasan dan pembebasan tersebut telah difailkan, manakala warganegara asing dalam situasi yang sama akan ditangkap dan direman sementara menunggu pelupusan rayuan. Selanjutnya dihujahkan bahawa asas pengeluaran waran tangkap dan permohonan reman semata-mata atas alasan pemohon adalah warganegara asing adalah tidak betul kerana mahkamah boleh memerintahkan pengusiran pemohon digantung sehingga rayuan Pendakwa Raya dilupuskan tanpa perlu menahan pemohon di bawah reman.

[12] Dengan itu, bergantung kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Bird Dominic Jude v. PP* [2014] 4 CLJ 133, pemohon memohon supaya beliau dibebaskan dengan diikat jamin dengan syarat-syarat tertentu sementara menunggu rayuan Pendakwa Raya dilupuskan kerana s. 56A AMK 1964, turut memperuntukkan pembebasan dengan ikat jamin sebagai alternatif kepada perintah reman. Beliau juga bersetuju pasportnya diimpaun oleh mahkamah sebagai sebahagian daripada syarat-syarat ikat jamin. Dengan itu hak pemohon di bawah per. 8(1) Perlembagaan Persekutuan tidak akan diprejudiskan.

[13] Pemohon tidak sama sekali mempertikaikan konstitutionaliti s. 56A AMK 1964.

[14] Seksyen 56A AMK 1964 memperuntukkan:

> 56A. Where an appeal is presented against acquittal, the Court of Appeal may issue a warrant directing that the accused be arrested and brought before it and may remand him to prison pending the disposal of the appeal or admit him to bail.

[15] Seksyen 56A AMK 1964, terpakai apabila pihak pendakwaan memfailkan rayuan terhadap perintah pembebasan dan pelepasan orang kena tuduh. Peruntukan ini memberi budi bicara yang luas kepada mahkamah untuk mengeluarkan waran mengarahkan penangkapan orang kena tuduh dan seterusnya mengeluarkan perintah konsekuential sama ada orang kena tuduh tersebut direman di penjara atau dibebaskan atas ikat jamin.

[16] Seksyen 56A AMK 1964, perlu dibaca bersama dengan kaedah-kaedah kecil (1), (2), (3) dan (4) kepada k. 58 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994. Kaedah-kaedah ini menggariskan prosedur yang perlu diikuti untuk mengguna pakai seksyen berkenaan. Ia memperuntukkan:

58(1) Within fourteen days of the decision of the High Court or within such extended time as the Court may allow, the appellant shall file in the Registry of the High Court at the place where the decision appealed against was given, a Notice Of Appeal and eight copies thereof. A copy of the Notice of Appeal shall be sent by the appellant to the Registrar of the Court of Appeal.

(2) The Notice of Appeal shall be substantially in Form 5 in the First Schedule.

(3) As soon as the Notice of Appeal is filed by the Public Prosecutor as in sub-rule (1), the Court of Appeal may on an application by the Public Prosecutor issue a warrant directing that the accused be arrested and brought before it and may remand him to prison pending the disposal of the appeal or admit him to bail in accordance with the provisions of section 56A of the Court of Judicature Act, 1964 (Act 91).

(4) The application under sub-rule (3) may be made by motion *ex parte* and for the purpose of this sub-rule, rules 71 and 72 shall apply.

[17] Terdapat dua peringkat prosiding sekiranya s. 56A AMK 1964, diguna pakai:

(i) Mahkamah ini dengan menggunakan budi bicaranya mengeluarkan waran mengarahkan penangkapan orang kena tuduh di atas permohonan pihak pendakwaan secara *ex parte*; dan

(ii) Sebaik waran dilaksanakan, orang kena tuduh hendaklah dihadapkan ke mahkamah ini dan mahkamah ini boleh, sama ada:

(a) Mereman orang kena tuduh di penjara; atau

(b) Membebaskan orang kena tuduh dengan ikat jamin (admit him to bail).

[18] Prosiding peringkat kedua ini hendaklah dijalankan secara *inter partes* dengan kehadiran orang kena tuduh bersama peguam belanya, jika diwakili.

[19] Oleh kerana pemohon tidak mempertikaikan konstitutionaliti s. 56A AMK 1964, maka isu yang berbangkit hanya berlegar di atas imbangan sama ada pemohon wajar direman di penjara atau dibebaskan dengan ikat jamin dengan mengambil kira keseluruhan hal ehwal keadaan yang menyelubungi kes tersebut.

[20] Seksyen 56A AMK 1964, tidak menggariskan dalam keadaan apa atau atas alasan apa seseorang orang kena tuduh itu wajar direman di penjara atau dibebaskan dengan ikat jamin. Pihak legislatif memberikan budi bicara yang luas kepada mahkamah untuk menstrukturkan sendiri formula dan alasan-alasan yang wajar dipakai untuk menangani pilihan sama ada untuk mereman orang kena tuduh di penjara atau membebaskan dengan ikat jamin.

[21] Namun, pada hemat kami, kategori tersebut seharusnya bersifat 'flexible' dan tidak 'exhaustive' dengan mengambil kira pertimbangan-pertimbangan khusus fakta-fakta yang wujud yang mengelilingi sesuatu kes tersebut. Adalah tidak praktikal untuk menyenaraikan alasan-alasan atau keadaan-keadaan ('circumstances') di mana orang kena tuduh tersebut wajar direman atau dibebaskan dengan ikat jamin. Demikian juga tidak mungkin alasan-alasan atau keadaan-keadaan tersebut boleh disenaraikan dengan exhaustif tanpa mengundang ketidakmunasabahan. Sesuatu kes itu sewajarnya diputuskan di atas meritnya sendiri yang mungkin berbeza dengan merit dalam kes yang lain. Selanjutnya, kami menerima pakai sebagai undang-undang yang betul unjuran Low Hop Bing JCA dalam kes *PP v. Norman Ismail* [2008] 5 CLJ 261 di ms. 267:

> [24] The consideration of the order for remand or bail requires the construction of the second limb of s. 56A. This Court has to exercise the discretion judicially and according to established judicial principles, having regard to all the facts and circumstances prevailing in each particular case.
>
> [25] Although the exercise of discretion by this court is not unprincipled, it is impossible and impracticable to set out a rigid formula in this regard.

[22] Kembali kepada permohonan di hadapan kami, Pendakwa Raya menyatakan pemohon dan Mohamad Redza Aslandad adalah warganegara Iran dan sedang ditahan di Depoh Tahanan Imigresen, KLIA, untuk diusir ke negara asal pada bila-bila masa. Sekiranya pengusiran itu berlaku, kebarangkalian pemohon hilang tanpa boleh dikesan amatlah tinggi lagi nyata (real), yang akan menyebabkan rayuan pihak pendakwaan menjadi akademik dan pada akhirnya dibatalkan begitu sahaja.

[23] Pada hemat kami, alasan yang diunjurkan oleh Pendakwa Raya adalah alasan yang wajar untuk memerintahkan supaya pemohon direman di penjara sementara rayuan pihak pendakwaan di mahkamah ini dilupuskan. Lebih-lebih lagi visa pemohon untuk memasuki Malaysia telah pun tamat tempoh pada 1 April 2011 dan kebarangkalian pasportnya juga telah tamat tempoh adalah tinggi. Keperluan pemohon ditahan reman lebih mendesak apabila pemohon langsung tidak menyatakan dalam afidavit sokongannya tentang alamat tinggalnya di Malaysia sekiranya diberi ikat jamin. Ini yang membezakan kes pemohon dengan kes *Bird Dominic Jude v. PP (supra)*.

[24] Memandangkan pemohon adalah warganegara asing dan visa memasuki Malaysia telah pun tamat tempoh serta pemohon tidak mempunyai alamat tempat tinggal yang tetap dan 'proper' di Malaysia, maka amatlah tidak sesuai untuk membebaskan pemohon dengan ikat jamin kerana ini akan mendedahkan pemohon kepada peluang untuk menghilangkan diri, lantas menjejaskan integriti rayuan pihak pendakwaan. Ia akan mengundang ketirisan dalam menegakkan keadilan yang bukan hanya milik pemohon semata-mata tetapi juga milik umum dan negara (the public and state).

[25] Keutamaan seharusnya ditumpukan kepada tujuan Parlimen menggubal s. 56A AMK 1964, iaitu untuk memelihara integriti rayuan yang difailkan oleh Pendakwa Raya. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Bird Dominic Jude v. PP (supra)* menyatakan di ms. 144:

> [17] The law on point is therefore s. 56A of the CJA which is designed to confer judicial power upon the Court to grant an order that will have the effect of preserving the integrity of any criminal appeal pending before it. It is intended to facilitate a full hearing of the appeal on its merit so that justice is not only done to the accused but also to the public and state. Section 56A of the CJA in our considered view serves the specific purpose of ensuring that the right of the prosecution to appeal is not rendered academic or nugatory as a result of the absence or non-attendance of an accused who had been acquitted by the High Court (see the case of *PP v. Norman Ismail* [2008] 5 CLJ 261; [2008] 4 MLJ 830).

[26] Integriti rayuan pihak pendakwaan akan terpelihara hanya jika pemohon/orang kena tuduh dapat dikemukakan di hadapan mahkamah ini dengan pasti (with certainty) pada tarikh pendengaran rayuan pihak pendakwaan. Ini hanya boleh dipastikan dengan membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk mereman pemohon di penjara sementara menunggu pendengaran rayuan tersebut. Pelbagai ketidakpastian dan kemungkinan boleh timbul sekiranya pemohon dibebaskan dengan ikat jamin dalam hal ehwal keseluruhan keadaan yang menyelubungi kes ini.

[27] Dakwaan bahawa pemohon telah didiskriminasikan serta tidak dilayan secara sama rata di bawah per. 8(1) Perlembagaan Persekutuan tidak mempunyai asas sama sekali. Fakta bahawa pemohon adalah warganegara asing bukanlah kriteria untuk mereman pemohon di penjara tetapi adalah alasan wajar untuk mahkamah mengeluarkan perintah yang sedemikian. Seksyen 56A AMK 1964, tidak dikhususkan hanya untuk warganegara asing. Ia terpakai untuk semua orang yang berlindung di bawah payung kedaulatan negara ini tanpa mengambil kira kewarganegaraannya. Keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Bird Dominic Jude v. PP (supra)* sekali lagi adalah relevan. Di ms. 144, 145, mahkamah memutuskan:

> [18] On the question of whether s. 56A of the CJA has infringed art. 8(1) of the FC, our answer to it is in the negative. Article 8(1) of the FC provides:
>
> > All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law.
>
> [19] In the present case, it is our finding that s. 56A of the CJA applies to everybody whether a citizen or not. As long as an accused person is acquitted at the High Court, the Public Prosecutor can apply for a warrant under s. 56A of the CJA. Section 56A of the CJA in our view is not discriminatory in nature. On the test as to whether the provision of the statute is discriminatory in nature we would refer to the case of *Datuk Haji Harun Haji Idris v. PP* [1976] 1 LNS 19; [1977] 2 MLJ 155 where Suffian LP had this to say:

A

> With respect we would agree with the Solicitor-General's submission that the first question we should ask is, is the law discriminatory, and that the answer should then be-if the laws is not discriminatory, if for instance it obviously applies to everybody, it is good law … .

B **[28]** Di atas segala alasan-alasan yang diperincikan di atas kami menolak permohonan pemohon *vide* kandungan 11(a) tersebut.

C

D

E

F

G

H

I